



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MAJLIS JASAMU DIKENANG 2018 KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Putrajaya, 27 September 2018 – Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah meraikan seramai 328 pesara seluruh Malaysia terdiri dari warga KKMM, Jabatan dan Agensi di bawahnya. Bilangan pesara yang diraikan adalah seramai 15 orang dari KKMM, 88 orang dari Jabatan Penerangan, 198 orang dari Jabatan Penyiaran Malaysia, 6 orang dari Institut Penyiaran dan Penerangan Malaysia, 4 orang dari Jabatan Perlindungan Data Peribadi, 8 orang dari Pertubuhan Berita Nasional Malaysia dan 9 orang dari Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. Majlis ini merupakan acara tahunan yang diadakan sebagai penghargaan daripada kerajaan terhadap khidmat bakti yang telah dicurahkan dengan penuh komited di sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai. Majlis ini juga sebagai penghargaan dan terima kasih daripada Kerajaan atas sumbangan dan dedikasi yang telah disumbangkan kepada KKMM khasnya dan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan menyampaikan sijil penghargaan kepada pesara-pesara. Turut hadir adalah Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah KKMM.

Dalam ucapannya, Gobind menyatakan bahawa tempoh persaraan bukan sebuah pengakhiran kerana persaraan itu hanyalah dalam konteks perkhidmatan sebagai seorang penjawat awam. Persaraan yang dihadapi ini hanya melepaskan seseorang penjawat awam dari peraturan dan ikatan sebagai kakitangan Kerajaan.

Beliau meminta supaya segala kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang diperoleh semasa berkhidmat dalam perkhidmatan awam boleh menjadi aset untuk terus aktif dan menggapai lebih banyak kejayaan selepas persaraan. Beliau mengucapkan 'Selamat Bersara' dan berharap agar persahabatan yang terjalin sepanjang perkhidmatan tidak akan terhenti malah akan terus berkekalan.

#Tamat #

***Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
27 September 2018***

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Rossilawati Alias, Ketua Penolong Setiausaha I di talian 019-3762678 atau Puan Salmah Ramli di talian 013-2557548.